

## Terhadap Serangan Atheism

**Ada baiknya, dalam saat orang-orang Islam sedang menderita dengan perbuatan-perbuatan komunis, kita menatap semula ucapan Kiyai Muhammad Irshad Talib Lubis, seorang ulama Indonesia yang terkenal dalam masa diadakan muktamar di Palembang pada hujung tahun 1957 dahulu. Ucapan beliau ini sangat baik untuk menyedarkan ummat kita terutamanya pemuda-pemuda akan bahaya-bahaya komunis, pengertiannya dan fahamannya.**

Mengingat bahawa atheism (fahaman tidak bertuhan) yang telah mengancam di hadapan kita dan tiada dapat disembunyi-semunyikan lagi, saya memandang telah tepat benar jika dalam muktamar alim ulama Indonesia ini acara “Pembelaan Islam Terhadap Serangan Atheism” mendapat perbahasan yang mendalam. Alim ulama wajib berani dan tegas memberikan pimpinan dalam hal ini untuk menyelamatkan agama dan ummat daripada ancaman dan bahaya ini.

Sebenarnya atheism (fahaman tidak bertuhan) dalam sejarah kepercayaan manusia telah menempuh masa yang panjang dan telah pernah pula mengalami pasang surut dan pasang naik. Atheism ialah satu fahaman yang tiada mempercayai Tuhan yang akan saya sebutkan seterusnya di sini dengan “fahaman anti Tuhan”.

Fahaman anti Tuhan yang terdapat juga pada zaman Nabi Muhammad (SAW). Firman Allah dalam al-Quran:

*Afara`aita man ittakhaza ilāhahu hawāhu wa aḍallahu Allāh ‘alā ‘ilmi wa khatama ‘alā sam‘ihī wa qalbihī wa ja‘ala ‘alā baṣarihī ghishāwah fa man yahdīhi min ba‘di Allāh afalā tazakkarūn. wa qālū mā hiya illā ḥayātunā al-dunyā namūtu wa nahīya wa mā yuhlikunā illā al-dahr wa mā lahum bi zālika min ‘ilmi in hum illā yazunnūn*  
(al-Jāshiah 23-24).

Maksudnya: Apakah tidak engkau lihat orang yang telah menjadikan kehendak hatinya menjadi tuhan, yang telah disesatkan Allah dengan pengetahuannya, yang telah dimetrainya atas pendengaran dari hatinya dan yang telah dijadikannya penutup atas penglihatannya! Siapakah yang dapat memberinya petunjuk selain Allah, tidakkah kamu mengambil peringatan! Mereka berkata: Tiada hidup selain hidup kita di dunia. Saling berganti – kita mati dan kita hidup; dan tiada yang mematikan kita selain masa. Mereka tiadalah mempunyai pengetahuan dalam hal yang demikian selain daripada menggunakan sangka-sangka belaka.

Menurut sejarah fahaman penganut anti Tuhan selalu terdapat di dunia, ada yang sifatnya fasiq tiada melakukan tarikan dan serangan. Di samping itu ada fahaman anti Tuhan yang penganutnya aktif – yang selalu bergerak melakukan tarikan dan serangan.

Dalam pada itu, di antara sekian banyak fahaman-fahaman yang boleh dimasukkan dalam golongan anti Tuhan baik yang sudah nyata, free thinker mahupun lain-lain sebagainya. Ketika menjumpai bahawa fahaman komunis adalah satu-satunya fahaman anti Tuhan yang amat berbahagia bagi ummat yang beragama. Saya percaya alim ulama tentunya

telah memaklumi dan buku-buku serta fatwa-fatwa yang sengaja mengupas soal ini telah banyak tersiar. Sekadar untuk memperlengkap bahagian-bahagian perasaan ini baiklah sebahagian di antaranya saya kutipkan di sini.

Almarhum H.O.S Tjokro Aminoto menulis dalam bukunya "Islam dan Sosialism" yang terbit pada tahun 1924 – 33 tahun yang lalu - mengenai faham komunis ajaran Karl Marx dengan falsafah secara faham kebendaan itu sebagai berikut:

"Kenyataan yang terbentang di atas ini cukuplah membuktikan, bahawa sejarah faham kebendaan pelajaran Karl Marx yang menjadi dasar kepercayaan faham socialist adalah senyata-nyata mungkir akan keadaan Tuhan, malaikat, ruh dan beberapa perkara yang lain pula, yang diajarkan oleh segala agama terutama oleh Islam." (cetakan ke lima muka 22).

Shaykh Ahmad al-Sharbāshī mahaguru Universiti al-Azhar di Mesir telah menulis panjang lebar mengenai kesesatan-kesesatan faham komunis ditinjau dari segi ajaran Islam dalam karangannya "*Muḥaḍarat al-Thulātha*". Antara lain diterangkan pada muka 29:

wa anta tarā anna al-shuyū'ita tankara Allāh wa al-islām dīn lā yaqūmu illā bi Allāh wa lā yadūru al-aḥwal Allāh 'ibādāt Allāh: wa mā khalaqat al-jinni wa al-insi illā liya'budūn.

(Dan tuan lihat bahawa faham communist itu mengingkari Allah sedang Islam satu agama yang tiada berdiri kecuali dengan Allah dan tiada beredar kecuali di sekitar pengabdian diri kepada Allah dan firman Tuhan: Dan tiadalah Ku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mengabdikan diri kepada Ku)

katanya lagi pada muka 34:

*Wahiya (al-shuyū'īyyah) tankaru al-ilāh wa yuḥāribu al-dīn*

(dan faham komunis itu adalah mengingkari Tuhan dan memerangi agama)

Selanjutnya Karl Marx sendiri berkata:

"Agama adalah keluhan dari rakyat yang tertindas. Agama adalah jiwa dari dunia yang tidak mengenal belas kasihan. Agama adalah jiwa keadaan yang tidak bersemangat. Agama adalah candu bagi rakyat."

Lenin mengatakan pula:

"Seorang yang berfaham Marx harus menjadi seorang yang berfaham kebendaan. Ertinya musuh agama".

Selanjutnya harus kita insafi bahawa faham komunis sebagai satu ideologi adalah dicita-citakan untuk seluruh dunia yang seluruh pelaksanaannya akan dilakukan dengan segenap kekerasan dan paksaan. Satu-satunya jalan yang akan ditempuh ialah jalan revolusi dan kekerasan walaupun untuk mempersiapkan segala sesuatunya memerlukan waktu yang panjang dengan berbagai taktik dan siasah sebelum itu. Jika saatnya telah tiba pemberontakan akan dicetuskan untuk melakukan perebutan kekuasaan dalam pemerintahan guna menegakkan pemerintahan diktator dan pelaksanaan tangan besi. Sudah dimaklumi bahawa dalam suatu negara yang diperintah secara diktator tidak ada kebebasan lagi untuk melakukan *amar bi al-ma'ruf dan nahyu 'an al-munkar*. Tidak akan ada kebebasan lagi untuk melakukan sanggahan, penentangan, tunjuk perasaan, mogok dan lain-lain sebagainya. Yang ada hanya pemaksaan terhadap perkembangan dan pelaksanaan cita-cita dan ideologinya, pembersihan yang dilakukan dengan segenap kekerasan dan kekejaman terhadap segala

sesuatu yang menjadi lawan cita-cita dan siasahnya.

Sehubung dengan ini baik juga kita mengulangi kembali sejarah yang penuh berlumuran darah kiyai-kiyai dan pemuka-pemuka Islam dalam pemberontakan kaum komunis di Madiun bulan September 1948. Oleh kerana itu haruslah kita selalu waspada kerana: faham komunis adalah faham imperialis cita-cita faham yang kejam-kejamnya.

Sebagai diterangkan di atas, bahawa sebelum kekuasaan dalam sesuatu negara jatuh ke tangan mereka, persiapan-persiapan untuk itu akan diperjuangkan lebih dahulu dengan melalui berbagai-bagai saluran yang disertai dengan bermacam-macam taktik dan siasah yang selalu berubah-ubah. Malah jika perlu dengan tiada segan-segan akan menonjolkan diri sebagai pembela dan pencinta agama. Kebebasan bercakap dan mengemukakan pendapat yang terdapat dalam negara-negara demokrasi akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk memperkembang faham dan cita-citanya baik dengan lisan maupun dengan tulisan.

Dalam memperkembang faham, terutama di tengah-tengah rakyat yang kurang cerdas, mereka selalu menyelubungi cita-citanya dengan memperlihatkan perjuangan-perjuangan yang dapat dirasakan langsung oleh rakyat hasilnya. Mereka mengemukakan diri sebagai pembela kaum miskin dan melarat, menjadi pembela buruh dan tani. Mereka mempergunakan berbagai saluran pendidikan, pengajaran, kebudayaan kesenian, penerbitan lain-lain sebagainya. Mereka memasuki badan-badan perwakilan dengan bersemboyan perkataan yang muluk-muluk dan menggunakan berbagai-bagai nama yang cukup menarik. Mereka memasuki badan-badan pemerintahan dan ketenteraan dengan maksud-maksud yang tertentu. Jika mereka melihat penduduk daerah itu taat

kepada agama, mereka tidak akan menyerang agama sebagai taktik tetapi menyerang dan memfitnah pemimpin-pemimpinnya dengan berbagai-bagai tuduhan supaya terjadi kerenggangan di antara pemimpin dengan yang dipimpin. Mereka melakukan taktik melagakan di antara berbagai golongan dan berkawan sebahagian untuk menghancurkan yang lain guna memperkecil golongan-golongan lawannya.

Sebagai telah diterangkan bahawa segala siasah dan taktik tersebut dijalankan sementara menunggu dapat terlaksananya perebutan kekuasaan. Jika kekuasaan itu telah ada di tangannya, maka pelaksanaan cita-citanya mulai menempuh zaman baharu, zaman kekerasan dan penindasan.

Maka terhadap serangan anti Tuhan yang dilakukan melalui berbagai-bagai saluran dengan segala taktik dan tindakan yang tidak kurang daripada apa yang dilakukan mereka. Segala saluran, pendidikan dan lain-lain sebagai harus dipergunakan sebagaimana mestinya.



*Menteri Pertahanan Dato` Abdul Razak sedang menghadaiahkan sebilah keris kepada Leftenan Kernel Kent kerana perkhidmatan baiknya di Malaya.*

Pada waktu yang akhir ini kita melihat meningkatnya pengaruh kaum anti-Tuhan di Indonesia. Hasil pemilihan umum yang berlangsung di Jawa baharu-baharu ini menjadi bukti bagi kita.

Dalam pada itu kita pula menginsafi bahawa tidaklah semua orang yang telah memberikan suaranya kepada golongan anti Tuhan tersebut benar-benar telah menjadi orang-orang komunis tulen kerana kita mengetahui juga bahawa bukan sedikit di antaranya yang telah tertarik sedang mereka sendiri tidak mengetahui sama sekali. Apakah faham komunis itu sebenar-benarnya. Mereka tertarik kerana melihat perjuangannya dan mendengar janji-janji yang diberikannya belaka. Tetapi harus diinsafi walau apa sekalipun yang menjadi sebab kejadian itu, namun mereka telah memihak kepada lawan dan telah dapat diperalat untuk cita-citanya. Tidak mustahil jika pada suatu waktu kelak akan dapat dipergunakan untuk memukul pihak kita sendiri sehebat-hebatnya.

Mengenai kejadian-kejadian ini haruslah kita berani membetulkan pihak sendiri dan tindakan serta sikap kita pada waktu-waktu yang lalu. Dalam kejadian tersebut kita melihat bahawa pihak anti Tuhan telah dapat pengaruh yang besar terutama pada daerah dan tempat-tempat yang pengertian penduduknya amat tipis dalam soal agama; pada daerah-daerah yang penduduk-peduduknya banyak melarat.

Di samping itu ada bermacam-macam hal lagi yang harus menjadi perhatian. Misalannya mereka telah melihat bahawa kiyai-kiyai dan pemimpin-pemimpin Islam yang dahulu pernah hidup sabagai orang-orang berkeluarga dengan mereka,

tetapi pada waktu yang akhir-akhir ini telah banyak yang menjauhan dirinya kerana telah hidup bermewah-mewah dan lupa mendekati rakyat. Mereka melihat kaum yang dituduh anti Tuhan tetapi sikap dan tindakannya sehari-hari lebih giat dan sungguh-sungguh melakukan pembelaan terhadap nasib kaum melarat daripada orang-orang yang mengaku dirinya pemimpin yang bertuhan. Kerana kepicikan pengetahuan, mereka tidak menyedari latar belakang segala sesuatunya. Mereka melihat orang yang mengaku menjadi pemimpin golongan yang bertuhan tetapi sikapnya saling benci antara dan terus menerus hidup dalam perpecahan yang satu dan yang lain, tuduh menuduh, busuk membusukkan tak kunjung habis-habisnya walaupun dalam syarahan-syarahannya tak jemu-jemu menyerukan supaya ummat bersatu. Mereka melihat lagi sikap dan fatwa kiyai-kiyai dan pemuka-pemuka agama bersimpang-siur dalam menghadapi persoalan golongan anti Tuhan itu sehingga membingungkan dan menjadikan mereka tak mempunyai pegangan sama sekali.

Sebab itu tidaklah menghairankan jika pada suatu masa mereka membalik ke belakang dan dengan mudah terpengaruh oleh golongan lain.

Saya tidak mengetahui apakah masih ada orang yang belum menyedari bahawa bahaya besar telah berada di muka kita yang pada suatu waktu jika kita tidak lekas bertindak mungkin menghancurkan segala sendi-sendi yang telah kita bangukan dengan bersusah-payah selama ini. Marilah kita melakukan perbaikan ke dalam, memperbaiki sikap dan tindakan kita, menyatu padukan tenaga dan fikiran dalam menghadapi persoalan-persoalan yang terdapat titik persamaan di antara sesama kita dan sentiasa mempedomankan amanah pemimpin kita Muhammad (SAW) bahawa orang-orang mukmin antara sesamanya laksana suatu

tembok satu dan lain sokong menyokong. Inilah kubu pertahanan yang sekuat-kuatnya bagi ummat Islam dalam melakukan pembelaannya terhadap segala serangan yang datang dari pihak anti Tuhan.

Selain dari apa yang telah diterangkan banyak lagi persoalan yang harus mendapat pembahasan terutama mengenai peninjauan yang lebih mendalam dari segi politik, ekonomi dan sosial dan hubungan gerakan faham komunis di Indonesia dengan faham komunis di luar negeri. Kesemuanya itu banyak mengikut pautnya dengan persoalan anti Tuhan yang menjadi pembicaraan kita. Maka mengenai peninjauan persoalan itu dari segi-segi tersebut saya hanya menyerahkan kepada alim ulama mengemukakan pendapatnya dalam pandangan umum yang akan dilangsungkan dalam muktamar ini.

Untuk jadi perbandingan baik juga dengan serba ringkas dikemukakan di sini bagaimana nasib suatu agama dan kaum yang beragama jika golongan anti Tuhan telah berkuasa.

Pada bulan Oktober 1956 yang lalu saya dengan sembilan orang rombongan alim ulama mendapat kesempatan melakukan peninjauan selama 21 hari ke daerah yang dikuasai oleh kaum komunis di Soviet Russia.

Selain peninjauan di tanah Russia sendiri, iaitu di Moscow dan Leningrad, dapat pula dilakukan peninjauan ke beberapa tempat di Asia Tengah yang dahulu Turkistan. Turkistan adalah bekas negara Islam.

Agama Islam telah memasuki daerah itu pada abad yang pertama dari tahun Hijrah dibawa oleh Qutaibah ibn Muslim al-Bāhili dan kawan-kawannya, telah hampir tiga belas abad lamanya agama Islam berkembang di daerah itu. Penduduknya lebih kurang 30,000,000 jiwa semuanya yang beragama

Islam. Dalam masa yang berabad-abad itu bukan sedikit jumlahnya masjid yang besar-besar dan madrasah-madrasah didirikan di daerah tersebut. Selain dari itu adalah daerah tersebut terkenal sebagai daerah yang menjadi sumber tempat kelahiran alim ulama dan cerdik pandai yang besar-besar yang terkenal di seluruh dunia. Misalnya Imam al-Bukhārī, Manṣūr al-Maturīdī, al-Qufī al-Shāshī, al-Jauharī al-Sakākī, al-Samarqandi, al-Khawārizmi, al-Sarakhshī, al-Bīrūnī, Ibn Sīnā, al-Gharābī dan lain-lain.

Akhirnya sebagai akibat kelemahan-kelemahan yang timbul kerana perpecahan yang selalu terjadi di kalangan pemimpin-pemimpinnya, daerah tersebut dapat ditaklukkan oleh bangsa Russia dalam tahun 1881 dan kemudian itu telah pecah dua pula. Turkistan Timur jatuh menjadi jajahan Tiongkok yang selanjutnya, disebut dengan nama Xinjiang ertinya tanah baru dan Turkistan Barat jatuh menjadi jajahan Russia. Tahun 1913 kaum komunis di Russia mendapat kemenangan dengan Revolution menjatuhkan pemerintahan Tsar. Tetapi nasib Turkistan Barat tiada berubah, daerah itu tetap dikuasai kaum communist malahan dipecah-pecah pula menjadi beberapa bahagian yang disebut sebagai republic, iaitu Republik Uzbekistan, Republik Tajikistan, Republik Kirgizstan, Republik Kazakhstan, dan Republik Turkmenistan.

(bersambung)

---

Dan perangilah mereka hingga tidak ada fitnah dan jadilah agama itu kerana Allah. Kalau mereka telah menghentikan – perbuatan fitnahnya – maka tidaklah ada permusuhan kecuali terhadap orang-orang yang zalim.  
- (surah al-Baqarah 193).

---